

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	RIBUAN IKAN MATI DI DUA TASIK GELORA
	SUMBER	BH (3 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

BH1 Rabu, 3 September 2025

Nasional

19

Ribuan ikan mati di dua tasik Taman Gelora

Jabatan Perikanan Pahang masih siasat punca kejadian

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pengunjung pusat rekreasi Taman Gelora, di sini terpaksa berdepan bau yang tidak menyenangkan, berikutan ribuan ikan dalam dua tasik buatan itu mati sejak kelmarin.

Antara spesies ikan pelbagai saiz yang mati ialah ikan susu dan ikan belagak mata. Ikan yang

mati timbul di permukaan tasik yang menjadi lokasi riadah penduduk.

Tinjauan di tempat berkenaan semalam mendapati, walaupun kakitangan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) sejak kelmarin mengutip bangkai ikan untuk dilupuskan, didapati masih ada bangkai ikan di beberapa kawasan di dua tasik berkenaan.

Mereka mendakwa, kejadian



Kakitangan MBK mengutip bangkai ikan di tasik Taman Gelora, Kuantan, semalam.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

ikan mati berlaku sejak kelmarin dan pihaknya mengutip ikan mati bagi mengelak bau tidak menyenangkan di kawasan rekreasi itu yang menjadi tumpuan pengunjung setiap hari.

Ikan susu yang hidup dalam air masin menjadikan Tasik Ta-

man Gelora sebagai habitat selepas air laut masuk ke tasik.

Analisis bangkai ikan

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Roslan Abu Hasan, berkata pihaknya akan menyiasat punca kematian ikan

di dua tasik di Taman Gelora sejak semalam.

Katanya, pegawai Pusat Biosekuriti Jabatan Perikanan Pahang semalam mengambil contoh ikan yang mati bagi tujuan analisis untuk menentukan punca sebenar ribuan ikan mati.

2.	TAJUK	KILANG SEMBELIH AYAM LEPAS SISA TANPA RAWATAN DIARAH HENTI OPERASI
	SUMBER	BH (5 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Kilang sembelih ayam lepas sisa tanpa rawatan diarah henti operasi

Kulim: Sebuah premis kilang penyembelihan ayam di Kawasan Perindustrian Kuala Ketil diarah menghentikan operasi serta-merta kerana gagal membina Sistem Rawatan Efluen Industri bagi merawat air sisa sembelihan ayam.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata kilang itu turut dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38 (1) (a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana menyebabkan pencemaran ketara ke longkang awam.

Selain itu, katanya, premis terbabit didapati melakukan kerja-kerja basuhan sisa ayam dan terdapat darah yang dicuci di atas lantai dialirkan terus ke longkang monsun, seterusnya ke longkang awam tanpa dirawat terlebih dahulu.

"Operasi ini yang diadakan pada jam 3 pagi hingga awal pagi 4 September turut disertai oleh Pasukan Ge-



Kilang penyembelihan ayam di Kawasan Perindustrian Kuala Ketil diarah henti operasi.

(Foto ilusan JAS)

rakan Am (PGA), Briged Utara.

"Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) diambil bagi menghentikan pencemaran daripada terus berlaku dan premis diarahkan untuk menghentikan operasi supaya langkah pembaikan dapat diambil segera bagi mengawal pencemaran," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, Notis Arahan 31 dan 37 dikeluarkan kepada premis untuk tindakan pembaikan penyelenggaraan segera dalam tempoh POK terbabit.

Katanya, sampel efluen juga sudah diambil untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan tindakan selanjutnya akan diambil selepas keputusan analisis kimia diperoleh.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**